

MENJADIKAN AKTIVITI MELANCONG SEBAGAI IBADAH

Oleh: Norhadiyana binti Mansor, 1172404,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Malaysia

Disiarkan pada 1 September 2020

Melancong merupakan salah satu aktiviti yang menyeronokkan dan paling disukai oleh sebahagian besar anggota masyarakat.

Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) yang juga pakar dalam bidang perancangan pelancongan, Prof Dr Baharudin Mohamed menyatakan bahawa pelancongan turut melibatkan kegiatan yang dilakukan selama seseorang individu berada atau tinggal di destinasi tersebut.

Beliau yang menamatkan pengajian peringkat doktor falsafah di Universiti Rikkyo, Jepun, memberitahu, antara aktiviti-aktiviti berkenaan adalah membeli-belah dan berinteraksi dengan masyarakat tempatan serta menggunakan kemudahan yang disediakan di kawasan pelancongan.

Islam tidak pernah melarang umatnya daripada melancong asalkan perbuatan itu tidak melanggar syarak atau membawa kepada dosa.

Perkara ini adalah selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan kepada Allah jualah (kamu) dibangkitkan semula.”* (Surah Al-Mulk, ayat 15)

Perkara yang utama untuk mendapatkan pahala melalui melancong adalah niat. Tetapkan niat melancong untuk beroleh kebaikan seperti menambah ilmu dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama manusia.

Personaliti dakwah, Ustaz Hariri Mohd Daud ketika ditemu bual berkata, jika diperhalusi terdapat banyak ayat al-Quran yang menggalakkan manusia supaya mengembara ke setiap pelosok dunia.

Perkataan ‘berjalanlah’ atau ‘mengembaralah’ diangkat dan digunakan agar kita melihat dengan hati dan nurani setiap ciptaan Allah SWT, saling bersuai kenal dengan bangsa-bangsa lain serta menginsafi kesan yang ditinggalkan umat-umat terdahulu yang ingkar.

Sehubungan itu, kita seharusnya menetapkan niat melancong untuk meningkatkan pengetahuan tentang kehidupan dan menginsafi diri dengan menghayati keindahan dunia ciptaan Allah SWT.

Kita juga perlu mencegah diri daripada berkelakuan kurang baik dan tidak terlibat dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Nilai-nilai murni seperti saling menghormati, saling membantu dan menjaga kebersihan hendaklah sentiasa diamalkan.

Pastikan ilmu agama dalam diri mencukupi untuk menghindari kita daripada melakukan kegiatan yang bercanggah dengan ajaran Islam serta berupaya memelihara akidah kita.



Penulis di Hiroshima, Jepun pada Oktober 2019.

Selain itu, kita diharuskan mengambil iktibar dari tempat yang dikunjungi. Melancong memberi kesempatan untuk mengenali masyarakat setempat dan suasana di kawasan tersebut.

Pemerhatian di tempat yang baharu dan asing mampu memberi pengajaran dan pengalaman yang berharga dalam kehidupan sekali gus menjadikan kita lebih bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan Allah SWT.

Apa yang lebih penting, sebagai umat Islam, kita wajib melakukan ibadat seperti solat lima waktu termasuk di negara-negara bukan Islam. Dalam keseronokan melancong, usahlah kita lalai daripada mengingati-Nya.

Insyaa-Allah, aktiviti melancong yang disertai bukan sahaja mendedahkan diri kita kepada perkara-perkara yang baharu, malah berupaya meningkatkan kesyukuran dan ketakwaan kita kepada-Nya.



Penulis dan rakan-rakan merakamkan kenangan bersama keluarga angkat di Fukuoka,

Jepun.